



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

14 OGOS 2024 (RABU)

Syed Razuan Tinggalkan Dunia Glamor, Pilih Jadi Penternak Moden

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
BERNAMA	Rencana & Isu	Online	13 Ogos



Dari seorang perunding imej kepada penternak kambing dan lembu sepenuh masa, begitulah keputusan nekad Syed Razuan Ali, 46, untuk mencuba nasib, berbekalkan minat yang kini ternyata membawa hasil.

Anak jati Kampung Semariang yang terletak sekitar sembilan kilometer dari bandar Kuching ini bermula sebagai orang tengah sekitar tahun 2003 untuk menjual kambing dan lembu dengan menggunakan kaedah pemasaran menerusi risalah yang diedarkan kepada orang ramai selepas solat Jumaat.

Daripada sebuah kandang kecil yang boleh memuatkan hanya

12 ekor lembu dan 25 ekor kambing, kini dia boleh berbangga dengan memiliki ladang berkeluasan kira-kira 1.2 hektar yang boleh menampung lebih 500 ekor haiwan ruminan dengan kambing sebagai ternakan utamanya.

Selain melihat bidang penternakan sebagai pelaburan untuk jangka masa panjang, Syed Razuan pada masa sama mahu melenyapkan stigma bahawa penternak adalah hanya pekerjaan golongan pencen.

Dia juga turut mengambil inisiatif memperkenalkan sistem penjagaan kambing

dari ladang miliknya kepada penternak khususnya golongan anak muda sebagai pekerjaan sampingan dengan pendapatan sehingga RM3,000 sebulan bagi 15 ekor kambing.

"Kita akan 'pinjamkan' kambing jantan berusia lebih tiga bulan untuk penternak gemukkan saiz selama tiga bulan menerusi makanan seperti rumput dan pelet, seterusnya kita akan ambil semula dan bayar hasilnya. Selain itu, pilihan kambing betina bunting turut diberikan untuk mereka jaga dan beri makan.

"Sekiranya ternakan itu melahirkan kambing jantan, kita akan ambil dan bayar hasilnya dan sekiranya anak betina, penternak akan manfaatkannya untuk meningkatkan jumlah ternakan di ladang masing-masing," katanya, " ketika ditemui Bernama di ladang Syarikat Maju Ternak Albarakah yang terletak di Kampung Sungai Agas Baru, sekitar 21 kilometer dari bandar Kuching.

Dia menambah, Jabatan Perkhidmatan Veterinar turut menyediakan suntikan vaksin bagi kambing yang 'dipinjamkan' itu.



IDEA TERCETUS SEMASA COVID-19

Menurut Syed Razuan, idea untuk melaksanakan sistem penjagaan kambing itu tercetus sewaktu negara dilanda pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang mengakibatkan ramai penternak terpaksa gulung tikar dan melelong haiwan mereka.

Bagi menyelamatkan baka kambing Barbados Blackbelly dan Damara, dia mengambil keputusan membeli ternakan itu sebagai usaha mengembangkan ternakan secara berkumpulan dan meningkatkan jumlah induk.

Bapa kepada 10 orang cahaya mata itu berkata, baka kambing kacukan Barbados Blackbelly, Damara dan Dorper merupakan jenis ternakan pilihannya memandangkan ia cepat membesar dan boleh mencecah berat 30 kilogram pada usia setengah tahun.

Syed Razuan berkata, sistem yang diamalkannya itu perlu diperluaskan bagi membantu meningkatkan jumlah penternak di Sarawak, sekali gus menjadi antara mekanisme mengurangkan harga kambing hidup di negeri ini yang mencecah RM40 sekilogram manakala dagingnya bernilai RM80

sekilogram.

“Cara untuk turunkan harga (ternakan) ialah meramaikan bilangan penternak kerana sekarang ini kita tak boleh kawal harga kambing dan lembu kerana jumlah penternak di negeri ini kurang,” katanya yang setakat ini bekerjasama dengan kira-kira 50 penternak tempatan sehingga ke kawasan Sibu.

Menurut statistik Jabatan Perkhidmatan Veterinar, jumlah ternakan kambing di Sarawak pada tahun 2023 dianggarkan sebanyak 8,941 ekor, berbanding di Semenanjung dan Sabah yang masing-masing mempunyai 303,885 ekor dan 25,535 ekor.

Berdasarkan data itu juga, ternakan lembu di Sarawak pada tahun lepas (2023) mencatatkan anggaran 13,274 ekor, manakala Semenanjung dan Sabah pula masing-masing 670,909 ekor dan 53,571 ekor.

Pada Jun lepas, Premier Sarawak Tan Sri Abang Johari Tun Openg dipetik berkata, kerajaan negeri akan memperkenalkan langkah bagi mengawal harga jualan beberapa haiwan ternakan tahun depan susulan harga semasanya di Sarawak agak tinggi berbanding negeri-negeri lain.

PERANCANGAN MASA DEPAN

Menyentuh aspek penjagaan ternakan kambing berkualiti, Syed Razuan tidak menggalakkan setiap induk atau ibu kambing bunting lebih daripada empat kali manakala kambing jantan perlulah berusia dua hingga tujuh tahun bagi memastikan anak yang dilahirkan sihat dan bersaiz besar.

Berkongsi perancangan masa depannya, dia turut menggalakkan anak-anaknya menceburی bidang yang sama, selain memasang impian untuk membangunkan kandang ternakan serba canggih di kawasannya seluas 1.4 hektar bagi memuatkan 500 ekor induk kambing dengan kos pembinaan kira-kira RM300,000.

“Saya jangka dalam tempoh dua tahun kandang ini akan

siap dibina dengan fasiliti seperti tempat penyembelihan, dilengkapi penyaman udara dengan setiap kambing ditempatkan di blok masing-masing dan najis ternakan diasingkan bagi pembuatan baja.

“Oleh itu, saya memerlukan kerjasama serta sokongan pihak kerajaan negeri untuk menjayakan usaha ini sebagai langkah membantu mengembangkan industri penternakan di Sarawak,” katanya menambah, tumpuan utama ternakan di ladang itu melibatkan kambing jenis Barbados dan Damara.

Kandang itu juga akan turut menempatkan haiwan milik penternak luar yang tidak mempunyai ladang dan menyediakan pakej rawatan serta makanan kepada ternakan tersebut.-BERNAMA



Pesta Pencinta Si Bulus

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
My Metro	Ku Bela	Online	14 Ogos



PEMILIK turut membawa si bulus masing-masing untuk pertandingan.

Meriah dan berinformasi.

Acara Jom Karnival Kucing Madani yang diadakan pada 10 dan 11 Ogos lalu berjaya menarik ribuan pengunjung.

Karnival selama dua hari itu diadakan di Institut Latihan DBKL (IDB), Cheras, Kuala Lumpur.

Ia dianjurkan bersama oleh Persatuan Rakan Kucing Malaysia (PRKM), Parlimen Bandar Tun Razak, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan SOCIAL Pets.

Pelbagai acara menarik

diadakan antaranya pameran haiwan kesayangan, pertandingan kucing, pameran haiwan kecil, reptilia dan haiwan eksotik, program kucing angkat, pameran burung kakak tua, jualan produk makanan haiwan dan 'petting' zoo.

Pengunjung cilik yang hadir juga berpeluang bermesra dengan alpaka, arnab, ular sawa albino, menangkap ikan hiasan dan menyertai pertandingan mewarna.

Selain itu, ramai pemilik tidak melepaskan peluang

membuat pasport kucing dan mendapatkan vaksin percuma untuk si bulus kesayangan mereka.

Lebih menarik, sesi ceramah mengenai penyakit bawaan haiwan dan kepentingan menjaga kebaikan haiwan turut diadakan oleh pegawai Jabatan Veterinar.

Bagi Arina Saad, 48, dia tidak ketinggalan membawa dua kucing kesayangannya untuk mendapatkan vaksin secara percuma yang disediakan di karnival berkenaan.

Selain itu, kata Arina, dia juga berpeluang mendapatkan pelbagai barang aksesori dan makanan untuk si bulus kesayangan dengan harga lebih murah.

"Apabila mendapat tahu penganjuran karnival ini di kawasan kejiran, saya sekeluarga teruja tambahan pula ada disediakan vaksin untuk kucing secara percuma.

"Lagi menyeronokkan, ia bukan sekadar karnival untuk pencinta haiwan kerana jualan rahmah barang keperluan harian turut disediakan kepada pengunjung," katanya.

Sementara itu, Setiausaha Politik Perdana Menteri, Datuk Azman Abidin berkata, karnival seumpama itu

julung kali diadakan di Wilayah Persekutuan dan Parlimen Bandar Tun Razak.

Kata beliau, karnival itu bukan hanya mengumpulkan pencinta kucing, malah masyarakat yang prihatin mengenai haiwan kesayangan.

"Objektif penganjuran karnival ini adalah untuk memberi kesedaran mengenai kebaikan dan penjagaan haiwan yang juga adalah makhluk Allah SWT yang perlu dilindungi.


"Ahli Parlimen Bandar Tun Razak (Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail) sendiri prihatin dengan isu kebaikan kucing sehingga wujudnya Rumah Kucing Madani di kawasan Projek Perumahan Rakyat Seri Sabah yang sudah menyelamatkan lebih 100 kucing terbiar.

"Diharap dengan ilmu yang bermanfaat mengenai haiwan kesayangan ini dapat membantu masyarakat supaya lebih prihatin dan sensitif terhadap haiwan," katanya.

Sementara itu, karnival berkenaan dirasmikan Nurul Izzah Anwar yang mewakili Dr Wan Azizah.-[MYMETRO](#)

Waspada Zoonotik

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
My Metro	Ku Bela	Online	14 Ogos



JIKA ada tanda-tanda haiwan peliharaan terkena jangkitan, pastikan ia segera dibawa ke klinik haiwan.

Haiwan comel seperti kucing, arnab, hamster, burung mahupun sugar glider sememangnya seronok untuk dibela.

Namun, di sebalik kecomelan haiwan kesayangan ramai itu, pemilik perlu sentiasa berwaspada akan jangkitan penyakit zoonotik.

Ia adalah jangkitan daripada haiwan kepada manusia oleh bakteria, virus, parasit serta kulat yang boleh mengganggu sistem tubuh manusia.

Antara penyakit zoonotik utama yang berisiko

menjejaskan kesihatan manusia adalah selesema burung, zika dan anjing gila (rabies).

Bagaimanapun, masih ramai memandang remeh penyakit zoonotik kerana serangan itu jarang berlaku terutama membabitkan haiwan peliharaan walaupun hakikatnya boleh menjejaskan kesihatan dalam jangka panjang.

Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Kawalan Penyakit dan Biosekuriti Veterinar, Jabatan Perkhidmatan Veterinar,

Dr Sarah Dadang Abdullah berkata, setiap tahun ada kira-kira lima penyakit baharu dilaporkan dan tiga daripadanya berpunca daripada haiwan.

"Berdasarkan data Kesihatan Sedunia (WHO) ada 200 jenis penyakit zoonotik utama yang direkodkan sehingga hari ini.

"Daripada jumlah itu, 13 jenis penyakit zoonotik menyebabkan kematian 2.4 bilion penduduk di seluruh dunia," katanya.

Menurut Dr Sarah lagi, penyakit zoonotik boleh dijangkiti daripada haiwan kepada manusia menerusi sentuhan, udara, makanan atau minuman yang tercemar serta gigitan haiwan.

Selain itu, penyakit zoonotik juga berisiko untuk tersebar melalui ladang ternakan haiwan, kedai haiwan dan perdagangan haiwan secara haram.

Jelas beliau, haiwan kesayangan seperti kucing misalnya, ada banyak penyakit zoonotik boleh dikaitkan antaranya kurap, 'salmonellosis', 'leptospirosis' dan 'lyme disease'.

"Jadi, antara langkah untuk membantu mengurangkan

risiko jangkitan penyakit zoonotik adalah dengan memastikan haiwan kesayangan anda divaksin bagi melindunginya dan anda sekeluarga.

"Pengendali haiwan juga perlu lebih peka dengan aspek kebersihan selepas mengendalikan haiwan peliharaan dan pastikan tangan dibersihkan sebelum menyentuh anggota badan, makanan dan sebagainya.

"Jika ada tanda-tanda haiwan peliharaan terkena jangkitan, pastikan ia segera dibawa ke klinik haiwan," katanya.

Selain itu, Dr Sarah turut menasihatkan orang ramai supaya tidak terbabit dalam aktiviti penyeludupan haiwan peliharaan terutama dari negara jiran, Thailand dan Indonesia.

Ini kerana haiwan yang diseludup terutama burung contohnya berisiko membawa penyakit zoonotik merbahaya dari negara berkenaan.

"Haiwan berkenaan tidak mempunyai sijil kesihatan, meskipun ia kelihatan sihat dan tidak mempunyai sebarang tanda jangkitan penyakit, namun masih ada risiko ia sudah dijangkiti.

"Baik pencinta haiwan maupun masyarakat, perlu

peka dan memainkan peranan masing-masing dalam mengurangkan risiko jangkitan penyakit zonotik ini," katanya.-**MYMETRO**

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR